

Rombongan Dr. Mahathir berlepas ke Frankfurt

LONDON, Ahad (Bernama) — Setelah mencapai kejayaan cemerlang di Birmingham, rombongan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berlepas ke Frankfurt hari ini untuk menarik pelaburan, khusus bagi perusahaan yang berasaskan getah dan kayu-kayan.

Lawatan ke Frankfurt adalah berlainan sedikit dari lawatan ke Birmingham dan Paris serta Copenhagen kemudiannya.

Tujuan lawatan ke Birmingham, Paris dan Copenhagen ialah untuk menjelaskan potensi pelaburan di Malaysia manakala

di Frankfurt tekanan akan diberi ke arah usaha menarik pelaburan dalam perusahaan berasaskan getah dan kayu-kayan.

Bagaimanapun terdapat para pelabur dalam bidang lain antara 80 buah syarikat yang akan menyertai seminar pelaburan yang bermula esok.

Turut serta dalam rombongan ini ialah Ketua Pengarah Lembaga Perusahaan Kayu Kayan Malaysia, Encik Abdul Razak Majid dan Timbalan Pengawal Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Encik Ahmad Farouk bin S. M. Iahak.

Dalam satu pertemuan dengan Bernama hari ini, mereka telah memberikan strategi bagi memajukan perusahaan-perusahaan yang berasaskan kayu kayan dan getah.

Encik Razak Majid mengga-

risikan dua pendekatan ke arah pelaburan dalam perusahaan berasaskan kayu kayan.

Pertama, para pelabur Eropah hendaklah diberikan kesedaran tentang prospek usahasama dalam kompleks kayu kayan yang disatukan.

Konsep ini adalah lebih sesuai bagi Sabah dan Sarawak walaupun ada kemungkinan baginya di Trengganu dan Kelantan.

Kedua ialah membawa para pelabur melihat infrastruktur yang terdapat di Semenanjung Malaysia yang mempunyai 651 buah kilang papan, 35 buah kilang kayulapis, 52 kilang membuat kumul-kumul dan sejumlah besar kilang pengering kayu, kilang membuuh ubat kayu, beberapa ratus kilang perabot dan lain-lain perusahaan yang ada kaitan dengan perusahaan kayu kayan.

Infrastruktur ini adalah sesuai bagi sesiapa saja yang ingin memasuki bidang pengeluaran barangan dan bahan daripada kayu seperti daripada abuk kayu atau lebihan hutan di kawasan-kawasan pembukaan tanah.

Encik Razak berkata, apa yang dikehendaki oleh Malaysia ialah penyertaan asing membawa masuk kemahiran dan pengetahuan serta mengadakan pasaran bagi permintaan di Eropah dan lain-lain negara maju.

Mengenai kemahiran dan pengetahuan, kebanyakannya daripada barangan peringkat perengahan memerlukan kepakaran dan rekabentuk yang belum dapat dibuat oleh Malaysia lagi.

Tetapi Malaysia mempunyai pekerja mahir yang boleh mempelajari dengan cepat bagaimana hendak membuat barangan tersebut, kalau tidakpun mereka bentuknya.

Industri peringkat pertengahan ini tidak akan diasaskan kepada kayu-kayu baru dalam hutan, tetapi lebihan dari kilang-kilang dan hutan.

"Pada masa ini ada banyak pembaziran dan semua lebihan ini dibakar saja," kata Encik Razak.

"Contohnya, 700,000 ekar hutan adalah untuk ditukarkan menjadi kawasan pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi setiap tahun 4 juta meter padu lebihan hutan dibakar.

No. Sesi: 1316
No. Per: 987/20